

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 1

NASKHAH CALON

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAAN DAN ESTETIKA

Negara Malaysia terkenal dengan kebudayaan dan kesenian masyarakat pelbagai kaum. Kepelbagaian dalam budaya dan seni ini menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang unik sehingga mampu menarik pelancong untuk melancong ke Malaysia.

Bincangkan kepentingan budaya dan seni pelbagai kaum di Malaysia.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 2

NASKHAH CALON

TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Semangat patriotisme sangat penting dalam kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme merujuk rasa cinta dan kesetiaan kita terhadap negara. Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda menunjukkan penghargaan terhadap sejarah, budaya, dan warisan negara kita?

Ulaskan pernyataan tersebut.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 3

NASKHAH CALON

TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Industri perikanan merupakan industri yang semakin berkembang di Malaysia. Usaha untuk memajukan industri ini perlu diberi perhatian sepenuhnya.

Bincangkan.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 MARKAH)

SOALAN 4

NASKHAH CALON

TEMA : KERJAYA

Kuala Lumpur : Kita biasa dengar pekerja kolar biru dan kolar putih tetapi ada satu lagi bidang pekerjaan yang mungkin kurang diberi perhatian iaitu *kolar baharu*. Secara umumnya, seseorang pekerja *kolar baharu* ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknik dan vokasional. Banyak kelebihan kepada seseorang yang melibatkan diri dalam kemahiran ini.

Ulaskan pernyataan tersebut.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 5

NASKHAH CALON

TEMA : PERINDUSTRIAN

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) didefinisikan sebagai industri yang melibatkan perusahaan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan bagi menghasilkan sesuatu produk seperti industri penyediaan makanan dan minuman.

Bincangkan manfaat-manfaat Industri Kecil dan Sederhana kepada rakyat dan negara.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 6

NASKHAH CALON

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Teknologi Hijau menjadikan alam sekitar lebih baik untuk generasi akan datang. Terdapat pelbagai kebaikan teknologi hijau kepada manusia seperti meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula dan melindungi sumber alam semula jadi.

Bincangkan.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 7

NASKHAH CALON

TEMA : KESELAMATAN

Kejadian penipuan atau scammer semakin merisaukan masyarakat. Walaupun peringatan demi peringatan sentiasa diberikan oleh pihak berkuasa namun setiap hari ada sahaja yang menjadi mangsa penipuan tanpa mengira latar belakang seseorang itu. Mangsa penipuan kebanyakannya bekerja profesional dan mempunyai pendidikan yang tinggi.

Bincangkan punca-punca berlakunya penipuan jenayah siber.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 MARKAH)

SOALAN 8

NASKHAH CALON

TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Pembinaan negara bukan sahaja terletak pada kemajuan material, tetapi perlu seiring dengan kematangan pemikiran rakyat dan pembangunan jati diri bangsa. Salah satu caranya adalah melalui penghasilan karya sastera.

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu.